R.

ACH - 9H

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

INVC 2/2/0

# KONSEP PENDIDIKAN DI DALAM SURAH LUQMAN DAN KAITANNYA DENGAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM KBSM : PENEKANAN KEPADA AYAT 12 - 19 SURAH LUQMAN

KAMARUL ARIFFIN B MOHD. SHARIF

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

1998

Perpustakaan Universiti Malaya

A510141438

OK

# FAKULTI PENDIDIKAN
# UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: KAMARUL ARIFFIN B. MOHD. SHARIF

Tajuk Kertas Projek: KONSEP PENDIDIKAN DI DALAM SURAH LUQMAN DAN KAITANNYA DENGAN KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM KBSM : PENEKANAN KEPADA AYAT 12 - 19 SURAH LUQMAN

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekira terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan: .................... Tarikh: 29.4.98

**PENGHARGAAN**

Syukur, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadhrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah hidayah, inayah serta izinNya telah memberikan kekuatan, keazaman dan semangat sehingga laporan kertas projek ini dapat disempurnakan.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Zawawi b Haji Ahmad di atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihatnya sehingga laporan kertas projek ini dapat disiapkan. Tanpa bantuannya, tidak mungkin laporan ini dapat disiapkan sebagaimana yang dikehendaki.

Juga kepada seluruh tenaga pengajar Fakulti Pendidikan yang telah mencurahkan ilmu mereka sepanjang pengajian saya di Universiti Malaya.Semoga ilmu yang dicurahkan itu akan termasuk dalam amalan saleh.

Khusus buat isteri dan anak-anak tersayang Ina, Wan, Wani dan Haikal yang banyak memberi sokongan, dorongan dan semangat dalam usaha menyiapkan laporan ini di samping banyak mengorbankan masa berkeluarga sepanjang tempoh pengajian saya ini. Juga buat emak, Hajah Jasimah dan bapa, Haji Mohd. Sharif yang sentiasa mengharap dan mendoakan kejayaan saya.

Kepada semua yang sama-sama memberikan bantuan, sokongan dan dorongan, semoga Allah akan membalas jasa anda semua dan sentiasa berada di dalam rahmat dan rahim Allah.

**KAMARUL ARIFFIN B MOHD SHARIF** **27 APRIL 1998**

# ABSTRAK

Kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang telah diperkenalkan pada tahun 1988 telah membawa beberapa pembaharuan dalam penentuan falsafahnya. Falsafah Pendidikan Islam KBSM telah menentukan matlamatnya untuk mencapai cita-cita melahirkan insan yang beriman, berilmu dan beramal.

Kajian ini membincangkan tentang asas-asas pendidikan yang terkandung di dalam ayat 12 - 19 Surah Luqman serta kaitannya dengan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM. Hasil kajian ini mendapati bahawa Luqman Al-Hakim telah menentukan asas pendidikannya di atas tiga prinsip yang kukuh iaitu akidah, ibadat dan akhlak.

Dalam bahagian akidah, Luqman Al-Hakim mendidik anaknya supaya tidak melakukan syirik kepada Allah kerana ia adalah kesalahan yang tidak diampunkan dosanya. Dalam bahagian ibadat, Luqman Al-Hakim mendidik anaknya supaya mengambil berat terhadap kewajipan solat dan mengamalkan kewajipan amar makruf nahi mungkar ( menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran ). Dalam bahagian akhlak pula, Luqman mendidik anaknya supaya sentiasa mengamalkan tabiat yang baik seperti patuh kepada ibu bapa, pengawasan diri , mengamalkan kesederhanaan, tawadhu' dan menjauhi ria'.

Selain daripada itu, kajian ini juga mendapati bahawa Kurikulum Pendidikan Islam KBSM selaras dan selari dengan asas pendidikan yang ditentukan oleh

Luqman Al-Hakim. Oleh itu, kurikulum Pendidikan Islam KBSM menekankan perkara akidah, ibadat dan akhlak sebagai asasnya di samping tilawah Al-Quran dan sirah nabawiyah atau tamadun Islam.

# EDUCATION CONCEPT IN VERSE LUQMAN THAT ARE INTERRELATED WITH ISLAMIC EDUCATION KBSM : EMPHASIZING ON VERSE 12 - 19 VERSE LUQMAN

## ABSTRACT

The KBSM curriculum regarding Islamic Education was implemented in 1988. The curriculum had introduced great changes in assurance its philosophical. The philosophy of Islamic Education KBSM has sets its own mission in order to achieve the goal to produce mankind with pioushess, knowledgeable and perfoming good works.

This research is mainly discussed the basics of education which are included in Surah Luqman verse 12 - 19 and has conjuctions to the KBSM curriculum of Islamic Education. Through this research, it was proved that Luqman Al-Hakim had stated the basic of education based on the three invincible princips ; the belief, nets of devotions and the behavioures.

Regarding the belief princip, Luqman Al-Hakim had educated his children from commit polytheisme the Allah because it is a big sin that will never be forgiven. While in the nets of devotion, Luqman Al-Hakim advised his children to have great responsibility in prayer and practising the obligation do goodness and prevent from disibedience. Regarding the behaviourals aspects, Luqman Al-hakim reminded his children to be good to parents, self supervision to Allah, carry out moderation, humility and stay away from being arrogant.

Others than that, this research summed up the curriculum of the Islamic Education KBSM is consistant and similar to the basis of education which stated by Luqman Al-Hakim. The curriculum of the Islamic Education KBSM emphasized the belief, nets of devotion and behaviourals as the foundations at the side of reading Al-Quran and the Nabawiyah Histhory or Islamic Civilization.

# ISI KANDUNGAN


| | | Muka Surat |
|---|---|---|
| Penghargaan | | i |
| Abstrak | | iii |
| Abstract | | v |
| Isi Kandungan | | vii |
| Bab Satu | Pengenalan | |
| | 1.1. Latar Belakang Kajian | 1 |
| | 1.2. Tujuan Kajian | 3 |
| | 1.3. Kepentingan Kajian | 3 |
| | 1.4. Batasan Kajian | 4 |
| | 1.5. Metodologi Kajian | 4 |
| Bab Dua | Tinjauan Penulisan Dan Kajian Berkaitan | |
| | 2.1. Pengenalan Umum Surah Luqman | 6 |
| | 2.1.1. Ayat Makkiah | 6 |
| | 2.1.2. Kedudukan Surah Luqman Dalam Pelbagai Mashaf | 7 |
| | 2.1.3. Sebab-Sebab Penamaan Surah | 7 |
| | 2.1.4. Sebab-Sebab Turunnya Ayat | 8 |
| | 2.1.5. Keistimewaan Surah Luqman | 10 |
| | 2.1.6. Riwayat Hidup Luqman Al-Hakim | 11 |
| | 2.1.7. Kebijaksanaan Luqman Al-Hakim | 12 |
| Bab Tiga | Konsep Pendidikan | |
| | 3.1. Pendahuluan | 15 |
| | 3.2. Konsep Akidah | 15 |
| | 3.2.1. Akidah Dan Kepentingannya | 15 |
| | 3.2.2. Akidah Islam | 17 |
| | 3.2.3. Syirik | 21 |
| | 3.3. Konsep Ibadat | 24 |
| | 3.3.1. Pendahuluan | 24 |
| | 3.3.2. Solat | 25 |
| | 3.3.3. Menyuruh Kepada Kebaikan Dan Mencegah Kemungkaran | 29 |

3.4. Konsep Akhlak 31

3.4.1. Pendahuluan 31

3.4.2. Berbuat baik Kepada Ibu Bapa 32

3.4.3. Muraqabah 33

3.4.4. Sifat-Sifat Utama 35

Bab Empat — Kaitan Antara Konsep Pendidikan Luqman Dan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM 40

4.1. Pendahuluan 40

4.2. Asas Akidah Dalam Pendidikan Islam KBSM 41

4.3. Asas Ibadat Dalam Pendidikan Islam KBSM 46

4.4. Asas Akhlak Dalam Pendidikan Islam KBSM 50

Bab Lima — Rumusan, Perbincangan Dan Cadangan 54

5.1. Pendahuluan 54

5.2. Rumusan Dapatan 55

5.3. Cadangan Untuk penyelidikan Lanjut 59

Bibliografi 61